

BAB_5

INTERAKSI ANTARA AGAMA

S.0 PENDAHULUAN

Sebelum membincangkan Interaksi antara penganut agama Kristian dan penganut agama Islam dikalangan etnik Kadazan/Dusun Ranau adalah perlu menghuraikan sedikit sebanyak keadaan masyarakat Ranau sebelum menerima pengaruh luar.

Sebelum kedatangan Chartered Company pada 1881 di negeri Sabah, penduduk Ranau hanya mengenali jiran-jiran mereka seperti suku kumpulan Kadazan/Dusun yang lain di Tambunan, Tamparuli dan lain-lain tempat, orang Brunei dan Samah (Bajau). Selepas kedatangan Chartered Company barulah masyarakat Kadazan/Dusun lebih terdedah dengan lebih luas kepada dunia luar. Semasa pemerintahan Chartered Company, masyarakat Ranau telah terdedah dengan budaya seperti budaya Barat dan lain-lain budaya. Pada sekitar tahun 1930an hingga 60an, daerah Ranau telah didatangi dengan agama Kristian dan Islam. Sejak kemerdekaan pada tahun 1963 pembangunan semakin pesat di daerah Ranau disamping budaya hidup telah berubah mengikut peredaran zaman dunia moden.

S.1 KEADAAN HIDUP SEBELUM KEDATANGAN AGAMA BARU

Pada tahap sebelum 1881, etnik Kadazan/Dusun Ranau hidup bersuku-suku yang mendiami kawasan bukit bukau di sekitar lembah Ranau. Pada masa tersebut keadaan masyarakat Ranau terbahagi kepada dua kelompok yang besar, iaitu

kelompok yang mendiami kawasan hulu Ranau dan kelompok yang mendiami kawasan hilir Ranau. Kedua-dua kelompok tersebut selalu berselisih faham antara satu sama lain. Peerselisihan tersebut digambarkan sebagai 'zaman mengayau'⁵⁰ atau budaya memburu kepala. Kelompok yang mendiami kawasan hulu Ranau semasa 'zaman mengayau' akan bergerak ke kawasan hilir untuk mencari mangsa mereka dan begitu juga dengan kelompok yang mendiami kawasan hilir bergerak ke kawasan hulu untuk untuk mencari mangsa mereka. Selain daripada itu wujud permusuhan antara kumpulan Kadazan/Dusun Ranau dengan kumpulan Kadazan/Dusun di Tambunan. Pada masa tersebut peperangan sering berlaku antara mereka di mana sehingga kini penduduk Tambunan memanggil penduduk yang mendiami kawasan hulu Ranau sebagai Liwan. Sehingga sekarang legenda peperangan antara pihak Tagahas yang mendiami kawasan sebelah Tambunan dan Liwan sebelah Ranau masih diingati oleh kedua-dua penduduk yang mendiami kawasan tersebut. Namun begitu selepas kedatangan Chartered Company dan zaman pemberontakan Mat Salleh pergaduhan antara mereka semakin berkurangan. Dikatakan Mat Salleh telah berjaya mendamaikan kedua-dua kelompok tersebut supaya menghentikan peperangan sesama mereka.

Kelompok yang mendiami kawasan hulu Ranau terdiri daripada beberapa suku yang sering juga beperang antara satu sama lain. Menurut beberapa legenda penduduk Tegudon

⁵⁰ Mengayau juga dikenali sebagai Mansangod

dikatakan mereka selalu berperang dengan penduduk di kawasan Keranaan yang dipisahkan hanya oleh sebuah lembah. Dalam legenda penduduk Tegudon pernah diceritakan bahawa pada masa dahulu peperangan antara suku Tegudon dengan suku Bontoi yang mendiami kawasan Mesilau (sekarang terletak dalam kawasan Kundasang) berlaku kerana terdapat di kalangan lelaki Bontoi yang selalu menculik perempuan Tegudon yang sedang mandi di sungai. Perselisihan antara mereka berakhiri dengan peperangan dan akhirnya suku Bontoi tersebut melarikan diri ke lain tempat (dikatakan suku Bontoi tersebut melarikan diri ke Tamparuli pada masa kini).

Sementara di kawasan Bundu Tuhan mereka sering berperang dengan suku lain. Dikatakan peperangan tersebut sering berlaku kerana sebab perselisihan kecil sahaja. Sehingga sekarang sisa-sisa peperangan tersebut masih terdapat di beberapa rumah kampung di daerah Ranau. Misalnya di kampung Tegudon Lama dan kawasan Bundu Tuhan masih terdapat pondok-pondok kecil yang mengandungi kinering⁵¹ yang mana pada masa dahulu kinering tersebut dikatakan di dalam rumah tetapi setelah adat memburu kepala dihapuskan mereka telah mengalihkan kinering=kinering tersebut ke pondok-pondok kecil yang dibina di luar kawasan perumahan.

Kelompok yang mendiami kawasan hilir Ranau yang terdiri daripada beberapa suku yang sering berperang antara satu

Kinering ialah tengkorak-tengkorak manusia yang diperolehi semasa zaman memburu kepala dan semasa pengunduran tentera Jepun.

sama lain. Misalnya suku Tibabar selalu berperang dengan suku Tuhawon, Paitan, Mangkahak, Sinulingan dan lobu, begitu juga dengan setiap suku tersebut. Setiap suku akan berperang jika salah satu suku tersebut diganggu oleh suku lain. Sehingga sekarang kawasan hilir Ranau masih terkenal dengan ilmu sihir mereka yang dikenali sebagai Sindaat. Menurut cerita legenda orang Tinanom, bahawa Sindaat tersebut diperolehi daripada sebatang pokok yang dikenali sebagai Paliu. Menurut cerita tersebut dikatakan seorang gadis cantik telah dianiayai lalu gadis tersebut membunuh diri dan dikebumikan di kawasan hutan. Setelah beberapa lama gadis tersebut mati tumbuh dua batang pokok iaitu pokok Babas yang tumbuh di sebelah kepala kuburan gadis tersebut manakala di sebelah kaki tumbuh pokok Paliu. Setelah kedua-dua pokok tersebut membesar, pemburu-pemburu yang melalui pokok Paliu tersebut akan mendapat sakit manakala setelah melalui pokok Babas sakit tersebut akan sembah serta merta. Daripada pengetahuan pemburu tersebut orang-orang baik telah menggunakan pokok Babas tersebut sebagai penawar manakala orang jahat pula memuja dan pokok Paliu sehingga mereka mendapat ilmu Sindaat untuk merosakkan orang lain. Sindaat tersebut digunakan untuk membunuh dan mengganggu hidup orang lain. Sesiapa yang memiliki sindaat akan menggunakan ilmu tersebut kepada orang lain walaupun kerana sebab yang kecil seperti iri hati kepada kebolehan, keberuntungan, kecantikan orang lain. Oleh itu wujud pergaduhan dan perang dalam suku-suku tersebut kerana sindaat tersebut

atau lain-lain faktor.

Selain daripada ~~sindaat~~ budaya menguru juga merupakan faktor penyebab pergaduhan dan perselisihan antara suku-suku tersebut. Meguru merupakan satu budaya dalam kumpulan Padazan/Dusun yang diamalkan pada masa dahulu dan hingga sekarang masih terdapat yang menuntut ilmu tersebut. Budaya ~~meguru~~ tersebut bertujuan untuk mendapatkan kekuatan yang luar biasa dan kebal. Budaya meguru tersebut dilakukan dengan membawa daging ke kawasan hutan sehingga orang yang membawa daging tersebut merasakan terdapat makhluk halus mengekorinya. Daripada makhluk halus tersebut orang itu akan menuntut ilmu untuk mendapatkan kekuatan dan kebal tersebut. Namun begitu untuk mendapatkan ilmu tersebut terpaksa melalui berbagai rintangan dan pantang larang yang boleh membawa mudarat kepada yang tidak dapat melepassi rintangan tersebut. Orang yang gagal tersebut mungkin menjadi gila atau mati serta-merta dan untuk menjaga ilmu tersebut memerlukan kesungguhan kerana ilmu tersebut dikatakan boleh nemakan diri sendiri. Oleh itu hanya segelintir sahaja yang berhasil mencapai ilmu tersebut. Dikatakan bahawa orang yang berhasil mendapatkan ilmu tersebut akan menggunakannya semasa perang dengan suku lain. Kebanggaan mendapatkan ilmu ~~meguru~~ menyebabkan mereka suka berperang antara satu sama lain untuk menguji ilmu tersebut.

Faktor yang menyebabkan pergaduhan antara mereka ialah mengganggu tanaman orang lain, mengganggu ahli suku, iri hati kerana tanaman atau keberhasilan orang lain dan lain-lain

lagi. Misalnya untuk mengelakkan orang lain mengganggu tanaman mereka, mereka menggunakan bungkong⁵² untuk menghalang pencuri tersebut. Daripada semua faktor di atas semangat kesukuan sangat tebal dikalangan kumpulan Padazan/Dusun Ranau. Selain daripada faktor di atas, faktor perbezaan dialek, bahasa dan tempat kediaman menjadi sebab pergaduhan. Misalnya kelompok hulu mempunyai sedikit perbezaan dialek dan bahasa dengan kelompok hilir, oleh itu kelompok hulu selalu menggelar kelompok hilir sebagai panansawa⁵³ dan sehingga kini gelaran tersebut masih digunakan bagi merujuk kepada kelompok hilir.

Walaupun terdapat pergaduhan dan peperangan, perdamaian antara mereka boleh dilakukan melalui beberapa cara iaitu melalui sumpah perdamaian. Melalui sumpah perdamaian ketua-ketua suku akan menggunakan korban binatang seperti kerbau, babi, ayam dan lain-lain ternakan sebagai tanda perdamaian. Binatang tersebut akan dikorbankan dan darah binatang tersebut menjadi tanda perdamaian. Upacara tersebut dikenali sebagai mikeret⁵⁴ dan upacara mikeret juga kadangkala menggunakan darah manusia. Upacara tersebut juga selalu diadakan untuk mengeratkan perhubungan antara dua individu atau kelompok yang berlainan suku dan selepas selesai upacara tersebut mereka ini dianggap sebagai maiimpinai atau

Bungkong dikatakan boleh menyebabkan seseorang menjadi lelu dan kemungkinan boleh membawa maut jika tuan punya tanaman tersebut tidak melepaskan orang tersebut.

'Panansawa' bermaksud orang-orang yang tidak beradat, liar dan bodoh. Pada hari ini ia merujuk kepada tingkat kemajuan yang rendah dikawasan hilir dan menganggap orang hilir sebagai masyarakat kuno.

Mikeret bermaksud sama-sama memotong binatang tersebut

bersaudara. Dikalangan suku yang mendiami kawasan Kundasang terdapat sumpah sempadan yang dipanggil *taru*⁵⁵ yang dilakukan di sempadan kawasan atau tanah supaya tiada sesiapa yang menceroboh kawasannya. Sesiapa yang menceroboh ‘*taru*’ tersebut akan mendapat kecelakaan. Oleh itu mereka harus menghormati orang lain dan sesiapa yang melanggar sumpah-sumpah tersebut akan membawa padah iaitu kemungkinan pergaduhan dan peperangan akan berlaku semula.

Setelah pihak Chartered Company memajukan kawasan Lembah Ranau sebahagian suku-suku yang terdapat di kawasan pergunungan hulu Ranau telah berpindah ke kawasan lembah tersebut. Hasil daripada perpindahan tersebut interaksi antara suku-suku dan kawasan hulu dengan hilir bertambah erat. Perdamaian antara mereka diadakan dan sehingga sekarang penduduk Ranau hidup aman damai dan hormat menghormati antara satu sama lain. Identiti kesukuan mereka semakin terhapus dan membentuk identiti baru sebagai orang Dusun Ranau. Konflik antara mereka semakin berkurangan.

5.2 KEMASUKAN UNSUR-UNSUR LUAR KE DALAM MASYARAKAT

Semasa dalam pemerintahan Chartered Company pergaduhan dan peperangan di antara kumpulan Kadazan/Dusun Ranau telah dikurangkan. Pemerintahan Chartered Company mengharamkan adat memburu kepala dan memperkenalkan undang-undang moden disamping undang-undang tempatan yang berdasarkan kepada adat-adat tradisional. Ini bukan bererti sebelum kedatangan *Taru* ialah tanda sempadan antara 2 kawasan tanah yang berjiran.

orang Barat undang-undang adat tradisional tidak berkesan di dalam masyarakat Ranau tetapi undang-undang adat tersebut hanya berkuatkuasa dalam kelompok suku yang sama atau berkuatluasa dalam setiap kampung yang mempunyai sistem undang-undang adat yang berasingan. Tambahan pula dalam zaman pemerintahan Chartered Company melalui undang-undang moden sesiapa yang membuat kekacauan akan dipenjarakan.

Unsur-unsur pembangunan yang diperkenalkan oleh Chartered Company membolehkan kumpulan Kadazan/Dusun hidup dengan lebih aman. Sistem perhubungan antara kampung dengan kawasan pekan Ranau membolehkan interaksi yang lebih kerap antara suku-suku yang mendiami kawasan Ranau. Pada masa tersebut masyarakat daerah Ranau telah mengadakan perhubungan dengan lain-lain kawasan di luar daerah Ranau. Ramai dikalangan anak muda telah mencari kerja di luar kawasan Ranau misalnya ke kawasan sekitar Kota Kinabalu dan lain-lain kawasan di daerah lain. Unsur-unsur luar telah dapat diperkenalkan dalam masyarakat etnik Kadazan/Dusun Ranau.

3.3 HUBUNGAN LUAR DENGAN MASYARAKAT KADAZAN/DUSUN RANAU.

Pada sekitar tahun 1920an penduduk Ranau telah terdedahkan dengan unsur-unsur luar melalui kemasukan orang kulit putih dan orang Cina. Melalui hubungan Ranau dengan luar, masyarakatnya semakin terdedah dengan peradaban moden yang menjadi perkara baru bagi masyarakat Ranau. Ramai dikalangan anak muda bekerja dengan orang putih dan lain-

lain bangsa. Melalui perhubungan dengan orang luar masyarakat Ranau terutamanya dikalangan anak muda menerima unsur-unsur sekular yang diperkenalkan oleh orang kulit putih. Unsur-unsur sekular yang diperkenalkan tersebut telah diterima dengan mendadak dikalangan penduduk Ranau. Pada masa tersebut timbul keinginan dikalangan penduduk Ranau untuk memperbaiki cara hidup mereka yang selama ini dikongkong oleh cara hidup tradisional yang dianggap pada hari ini sebagai ketinggalan zaman.

Hubungan perdagangan diantara kumpulan Kadazan/Dusun dengan kumpulan Bajau telah terjalin sebelum kedatangan orang kulit putih. Namun begitu hubungan perdagangan tersebut tidak banyak mempengaruhi cara hidup etnik Kadazan/Dusun Ranau. Selepas kedatangan orang kulit putih hubungan perdagangan diantara kumpulan Kadazan/Dusun dengan luar semakin berkembang. Melalui hubungan perdagangan tersebut budaya-budaya luar semakin diterima oleh penduduk Ranau.

Hubungan perdagangan pada masa tersebut iaitu melalui institusi **tamu** telah dapat mengeratkan perhubungan dengan masyarakat luar. Kemajuan di kawasan pekan Ranau membolehkan kawasan ini menjadi pusat pertemuan antara kampung-kampung di daerah Ranau. Misalnya dengan adanya sistem perdagangan melalui institusi **tamu** setiap penduduk Ranau semakin menyedari bahawa mereka perlu bekerjasama dan saling memerlukan antara satu sama lain. Institusi **tamu** tersebut menjadi pusat pertemuan antara masyarakat di daerah Ranau

yang secara langsung hubungan persahabatan antara suku-suku yang terdapat di daerah Ranau dapat dijalankan.

Pada tahap ini masyarakat etnik Kadazan/Dusun lebih terbuka dengan unsur-unsur di luar daripada kebiasaan mereka. Pada masa tersebut mereka telah didedahkan dengan budaya luar. Selain daripada budaya sekular yang bawa oleh orang kulit putih, mereka telah didedahkan dengan agama Islam daripada luar. Mereka menyadari cara hidup mereka tidak akan berubah jika tidak menerima unsur-unsur luar tersebut. Kemasukan agama Kristian dan Islam menyebabkan masyarakat yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisional dianggap masyarakat yang tidak mempunyai agama yang lebih dikenali sebagai Pagan atau kafir pada pandangan masyarakat yang telah mengikuti agama Islam, Kristian dan agama lain.

3.4 PERUBAHAN MASYARAKAT SETELAH KEDATANGAN AGAMA BARU.

Kedatangan agama baru ke dalam masyarakat Kadazan Dusun telah mempengaruhi kehidupan mereka. Daripada masyarakat yang mengamalkan sistem kepercayaan dan adat tradisional kepada masyarakat yang berbagai. Kini masyarakat etnik Kadazan/Dusun terbahagi kepada 3 golongan masyarakat iaitu masyarakat yang menganut agama Islam, masyarakat Kristian dan masyarakat yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional. Pada peringkat awal penerimaan Islam tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara penganut agama tersebut. Tetapi berbeza dengan penganut agama Kristian yang terdiri daripada penganut Roman Katholik dan aliran

Protestan. Aliran Protestan pula terdiri daripada SIB dan SDA yang mempunyai ciri-ciri perbezaan masing-masing. Di daerah Ranau boleh dikatakan penganut Kristian aliran Roman Katolik dan Protestan mempunyai bilangan penganut yang seimbang.

Fenomena yang jelas kelihatan ialah perbezaan dari segi pemakanan antara penganut agama Islam dan Kristian Roman Katolik dan Protestan. Perbezaan tersebut telah menimbulkan konflik diantara penganut-penganut agama yang berbeza. Pada masa tersebut tuduh menuduh berlaku namun tidak berlaku pergaduhan yang ketara dalam masyarakat Kadazan/Dusun Ranau, cuma terdapat segelintir yang mengasingkan diri daripada orang yang berbeza agama tersebut. Sehingga masa kini di daerah Ranau terdapat beberapa buah kampung yang berpecah kepada dua kawalaian atau kawasan perumahan. Misalnya pada hari ini kampung Kituntul terbahagi kepada dua kawalaian iaitu kawalaian Kituntul lama yang kebanyakannya terdiri daripada penganut selain agama Islam manakala kawalaian Kituntul baru kebanyakannya terdiri daripada penganut Islam. Namun perpecahan tersebut hanya berkisar kepada perbezaan kepercayaan yang disebabkan terutamanya oleh pemakanan. Namun begitu hubungan persaudaraan dan lain-lain hubungan selain daripada perbezaan kepercayaan masih erat dijalankan.

Kejadian perselisihan faham antara masyarakat Kadazan/Dusun dikalangan penganut agama yang berbeza berlaku kebanyakannya secara Latent atau tersembunyi kerana apabila

ia terdedah kepada perselisihan secara terbuka hubungan persaudaraan, ekonomi dan lain-lain antara mereka dengan sendirinya akan terputus. Tuduh menuduh tersebut hanya ketara dikalangan kanak-kanak yang telah disosialisasikan tentang perbezaan kepercayaan diantara ibu-bapa mereka. Kebanyakan tuduh-menuduh tersebut berkisar kepada soal pemakanan iaitu penganut Kristian Roman Katolik dan Kristian SIB berasa beruntung kerana agama mereka tidak menghadkan jenis makanan yang boleh dimakan terutama babi dimana mereka boleh meneruskan amalan pemakanan yang bebas seperti yang diamalkan semasa sebelum mereka memeluk sebarang agama, manakala mereka menuduh agama Islam terlalu tegas dalam soal pemakanan terutamanya binatang babi yang menjadi binatang penting sebagai sumber makanan utama atau digunakan dalam upacara adat dalam agama tradisional.' Tuduhan terhadap Kristian SDA pula berkisar kepada soal-soal yang berkaitan dengan ajaran agama tersebut yang dikatakan terlalu pengongkong sehingga dianggap lebih tegas daripada ajaran Islam iaitu selain daripada melarang memakan babi penganutnya juga tidak boleh melakukan perkara yang merosakkan diri sendiri seperti menghisap rokok.

Perselisihan tersebut hanya beberapa ketika sahaja iaitu semasa awal kedatangan agama-agama tersebut. Kejutan budaya⁵⁶ berlaku dikalangan penduduk Ranau akibat daripada

⁵⁶ Kejutan_budaya dalam penafsiran penulis ialah penerimaan terhadap sesuatu agama secara membabi-buta sehingga terdapat sifat fanatik terhadap sesuatu agama sedangkan pengetahuan mereka terhadap agama tersebut adalah kurang dan individu yang menghadapi keadaan baru tersebut sukar menerimanya.

perbezaan cara hidup yang dibawa oleh agama-agama tersebut. Sejutan---budaya tersebut telah menyebabkan terdapat segelintir dikalangan penganut agama menganggap penganut agama lain sebagai sompong kerana pada masa dahulu sebelum agama Islam dan Kristian SDA yang mementingkan soal semakanan bertapak, hubungan antara mereka adalah seperti biasa. Tetapi setelah mereka menganut Islam dan Kristian SDA wujud perbezaan diantara mereka. Fenomena tersebut ketara apabila seseorang yang beragama Islam masuk ke rumah orang yang beragama Islam lain, penganut agama Islam tersebut tidak menjamah makanan seperti babi yang dihidangkan oleh tuan rumah. Suasana tersebut lebih teruk lagi apabila penganut Islam tersebut langsung tidak menjamah makanan yang dihidangkan walaupun tidak mengandungi makanan yang dilarang oleh Islam sedangkan sebelum ini penganut tersebut tidak bersikap demikian.

Budaya baru tersebut, secara beransur-ansur semakin diterima oleh penduduk Ranau. Mereka semakin memahami budaya baru tersebut, sehingga pada masa kini masyarakat Ranau saling memahami antara satu sama lain tentang perbezaan diantara mereka. Keadaan saling memahami diantara perbezaan ajaran agama tersebut membolehkan hubungan antara mereka kembali pulih. Misalnya penganut selain Islam bebas tidur dan makan di rumah penganut Islam dan penganut bukan Islam boleh menerima pengunjung daripada penganut Islam kerana mereka memahami perkara-perkara yang dilarang oleh ajaran agama Islam.

Secara keseluruhannya sehingga sekarang penganut diantara agama yang berbeza tersebut menganggap perbezaan diantara mereka merupakan perkara biasa yang tidak lagi menimbulkan masalah dalam interaksi sesama mereka. Walaupun pada peringkat awal penerimaan agama Islam dan SDA menimbulkan masalah dalam hubungan antara mereka.

5.5 PENGELOMPOKAN MASYARAKAT BERAGAMA DI RANAU.

Melalui masa yang panjang wujud kelompok dalam masyarakat Islam Ranau. Perkembangan pengetahuan tentang agama Islam dan pengaruh-pengaruh luar telah menjadi penyebab kewujudan kelompok dalam masyarakat Islam Ranau, kesedaran tentang kelompok mereka yang mempunyai perbezaan budaya hidup dengan budaya hidup penganut agama lain menghasilkan kelompok dalam masyarakat. Pengelompokan dalam masyarakat Islam dapat dilihat melalui sikap dan pergaulan diantara mereka dengan orang lain. Selain daripada sikap itu, cara berpakaian juga merupakan identiti yang sering menjadi petunjuk kepada anggapan orang lain. Misalnya seseorang yang berpakaian melayu dianggap lebih alim daripada yang berpakaian barat. Dalam masyarakat Kristian, pengelompokan dalam masyarakat dapat dilihat melalui cara berpakaian yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan orang lain. Cara berpakaian tersebut kadangkala menggambarkan darjat mereka. Namun begitu pembahagian kelompok tertentu didalam kedua-dua masyarakat beragama tersebut adalah semata-mata berdasarkan kepada imej

yang ditonjolkan dan penafsiran tentang imej yang ditonjolkan akibat daripada pergaulan sehari-hari mereka dengan kelompok-kelompok lain.

5.5.1 KELOMPOK-KELOMPOK DALAM MASYARAKAT ISLAM RANAU.

Kelompok yang agak ketara dalam masyarakat Islam Ranau adalah kelompok tua dan kelompok muda. Kelompok tua mendapat pendidikan Islam daripada pengembang-pengembang Islam sebelum perang dunia kedua manakala kelompok muda mendapat pendidikan Islam daripada pengembang Islam dalam zaman Merdekaan. Kelompok muda menganggap kelompok tua masih mengamalkan cara kuno misalnya semasa menjalankan upacara ~~doa se'amat~~, cara lama hanya memerlukan seorang sahaja disamping membakar kemenyan yang lebih dikenali sebagai ~~sambakar~~ manakala golongan muda semasa menjalankan upacara ~~doa selamat~~, mereka lebih suka melakukannya beramai-ramai. Perbezaan pendidikan tersebut menyebabkan golongan tua yang berkeras dengan cara mereka menyisih diri daripada golongan muda.

Terdapat juga beberapa kelompok lain yang dikategorikan berdasarkan kepada penafsiran tentang Islam dan setakat mana penerimaan dan amalan terhadap norma dan nilai-nilai ajaran Islam. Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut masyarakat Islam dikategorikan kepada kategori Islam, saudara baru dan penganut Islam yang lebih dikenali sebagai Islam pada nama sahaja. Sebenarnya kategori tersebut adalah kadangkala bertindih antara satu sama lain. Misalnya

seorang saudara baru boleh dikategorikan sebagai fanatik Islam berdasarkan kepada imej yang ditonjolkan.

Biasanya fanatik Islam terdiri daripada golongan yang dikatakan benar-benar mengamalkan norma dan nilai-nilai Islam seperti golongan Arqam dan golongan yang memisahkan diri mereka daripada nilai dan norma-norma tradisional tempatan. Golongan Arqam di daerah Ranau sehingga kini masih aktif menjalankan kegiatan mereka dan bilangan mereka semakin bertambah. Pergaulan golongan ini dengan masyarakat agak terhad kerana mereka akan membentuk kelompok dikalangan mereka dan hanya pada masa-masa tertentu mereka bergaul dengan masyarakat. Misalnya pada masa-masa tertentu mereka akan berkumpul di pusat perhimpunan antara mereka dan pada masa-masa tertentu mereka akan keluar ke dalam masyarakat untuk menonjolkan imej mereka. Disebabkan oleh jadual aktiviti yang agak ketat, hubungan mereka dengan masyarakat agak terhad disamping sikap masyarakat yang tidak suka bergaul dengan kumpulan ini. Kelompok yang memisahkan diri daripada nilai-nilai dan norma-norma tradisional terdiri daripada kelompok yang menganggap norma dan nilai tradisional yang bertentangan dengan Islam tidak seharusnya diamalkan oleh orang Islam. Mereka adalah terdiri daripada golongan agama misalnya ustaz-ustaz dan ahli badan agama seperti MUIS dan lain-lain lagi. Pergaulan mereka dengan masyarakat adalah seperti biasa tetapi mereka tidak bergaul dengan masyarakat yang mereka anggap mengamalkan unsur-unsur negatif yang bertentangan dengan agama Islam. Tetapi apa

yang jelas pergaulan mereka tertumpu dikalangan mereka yang setaraf dan mempunyai pandangan yang sama. Pandangan orang lain terhadap mereka merupakan petunjuk utama untuk mengenali kedua-dua golongan tersebut. Misalnya golongan yang dikatakan fanatik kerana cara berpakaian yang berbeza daripada cara berpakaian orang Islam yang lain atau masyarakat. Cara berpakaian mereka dikatakan menakutkan sehingga perempuan yang memakai purdah digelar 'ninja'. Namun begitu tidak semua masyarakat memandang serong golongan tersebut tetapi hanya menjauhkan diri dari mereka.

Golongan yang dikatakan sebagai Islam pada nama sahaja la itu dalam bahasa tempatan dipanggil "ngaran_noh_silam". Golongan ini merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat Islam Ranau. Bagi golongan ini selagi mereka mempercayai agama Islam mereka akan tetap sebagai Islam. Pandangan golongan ini agak berbeza dengan golongan fanatik, dimana mereka masih mengamalkan norma-norma dan nilai-nilai tradisional yang dikatakan tidak bertentangan dengan Islam. Misalnya mereka masih mempercayai hantu, Azimat atau jimat, mu sihir, tangkal-tangkal dan lain-lain lagi dan masih terdapat yang mengamalkan kepercayaan seumpama ini. Selain daripada itu terdapat juga dalam golongan ini mengamalkan cara hidup tradisional yang bertentangan dengan agama Islam seperti menghadiri pesta-pesta yang menghidangkan minuman keras sama ada buatan luar negeri atau tempatan. Pada pendapat mereka selagi mereka tidak melakukan dosa-dosa besar dalam ajaran Islam mereka masih mempunyai masa untuk

sengubah sikap mereka. Dikalangan golongan ini pendidikan agama mereka adalah luas tetapi masih terdapat yang pengamalkan kerana unsur-unsur tradisional tersebut telah sebatasi dan diwarisi daripada nenek moyang mereka. Hubungan antara mereka dengan penganut agama lain adalah liberal dan agama bukan menjadi pemisah dalam interaksi dengan masyarakat agama lain.

Saudara baru merupakan satu golongan yang baru memeluk Islam iaitu sama ada pada asalnya beragama tradisional atau agama lain. Bagi mereka yang tidak mendapat pendidikan Islam sikap mereka lebih kurang sama dengan golongan Islam pada nama sahaja. Namun begitu terdapat dikalangan saudara baru yang mendapat pendidikan daripada kumpulan-kumpulan Islam seperti Arqam akan mengikuti cara hidup golongan tersebut iaitu menjadi golongan yang fanatik bergantung kepada penerimaan terhadap pendidikan Islam yang mereka terima.

Secara keseluruhannya, pengelompokan tersebut hanya melibatkan hubungan diantara penganut Islam dikalangan etnik Kadazan/Dusun dan tidak melibatkan hubungan dan interaksi dengan penganut agama lain. Pada umumnya interaksi diantara mereka dengan penganut agama lain berjalan seperti biasa iaitu tidak terdapat konflik yang jelas antara mereka. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat yang terdapat di Semenanjung Malaysia dimana masyarakat Islam mempunyai golongan yang berbagai-bagai yang bukan hanya dipengaruhi oleh faktor perbezaan pendapat tetapi dipengaruhi oleh

ktor perbezaan ras atau perkauman, kedaerahan, dialek dan lain-lain lagi.

5.2 PENGELOMPOKAN DALAM MASYARAKAT KRISTIAN R.C.

Pengelompokan dalam masyarakat Kristian khususnya Iran katolik adalah sukar untuk ditentukan. Namun begitu cara mudah mereka dapat dibahagikan kepada dua golongan itu golongan gereja dan kristian biasa. Pembahagian ini berdasarkan kepada penafsiran mereka terhadap agama kristian sikap mereka terhadap agama tersebut yang disebabkan oleh kelonggaran dalam ajaran kristian katolik berbanding dengan ajaran kristian lain seperti SIB, SDA dan lain-lain lagi yang lebih tegas dan jelas dalam ajaran mereka.

Golongan gereja dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pendokong agama dan golongan yang kerap bertemu dengan golongan pendokong agama. Golongan - golongan pendokong agama terdiri daripada Paderi, Brother, Sister dan lain-lain yang lebih banyak menghabiskan masanya di dalam gereja. Golongan ini lebih mudah dikenali melalui cara pakaian terutamanya dalam upacara-upacara agamaan contohnya Sister dapat dikenali melalui pakaian mereka yang berbeza dengan pakaian wanita penganut Kristian kebanyakannya iaitu memakai tudung kepala dan punyai warna pakaian yang agak seragam. Golongan kedua lagi terdiri daripada katekis dan penganut Kristian yang datang ke gereja pada hari sembahyang mereka. Golongan pendokong agama, hubungan diantara mereka

faktor perbezaan ras atau perkauman, kedaerahan, dialek dan lain-lain lagi.

3.5.2 PENGELOMPOKAN DALAM MASYARAKAT KRISTIAN R.C.

Pengelompokan dalam masyarakat Kristian khususnya di sini katolik adalah sukar untuk ditentukan. Namun begitu secara mudah mereka dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan gereja dan kristian biasa. Pembahagian ini berdasarkan kepada penafsiran mereka terhadap agama kristian dan sikap mereka terhadap agama tersebut yang disebabkan oleh kelonggaran dalam ajaran kristian katolik berbanding dengan ajaran kristian lain seperti SIB, SDA dan lain-lain lagi yang lebih tegas dan jelas dalam ajaran mereka.

Golongan gereja dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pendokong agama dan golongan yang kerap bertemu dengan golongan pendokong agama. Golongan - golongan pendokong agama terdiri daripada Paderi, Brother, Sister dan lain-lain yang lebih banyak menghabiskan masanya di dalam gereja. Golongan ini lebih mudah dikenali melalui cara berpakaian terutamanya dalam upacara-upacara keagamaan contohnya Sister dapat dikenali melalui pakaian mereka yang berbeza dengan pakaian wanita penganut Kristian kebanyakannya iaitu memakai tudung kepala dan menyembunyai warna pakaian yang agak seragam. Golongan kedua dia terdiri daripada katekis dan penganut Kristian yang kerap datang ke gereja pada hari sembahyang mereka.

Golongan pendokong agama, hubungan diantara mereka

dengan penganut kristian agak terhad dan hanya kerap berlaku semasa upacara-upacara sembahyang, perkahwinan dan upacara-upacara lain. Kurangnya hubungan tersebut kerana kesibukan golongan pendokong agama dalam urusan gereja atau agama sehari-hari dan tambahan pula hubungan diantara kedua-dua pihak hanya berlaku semasa upacara penting sahaja yang mungkin kerana untuk menjaga status sebagai pendokong agama. Masalah perbezaan tempat asal dan bangsa mungkin juga menjadi penyebab kurangnya hubungan tersebut. Sebagai orang yang dihormati hubungan secara tidak formal adalah kurang. Misalnya pendokong agama yang berbangsa kulit putih dan lain-lain mempunyai budaya hidup yang berbeza dengan budaya tempatan. Keadaan ini berlaku juga dikalangan penganut Islam dimana orang Islam yang berasal daripada Semenanjung Malaysia mempunyai gaya hidup yang berbeza dengan penduduk tempatan.

Golongan kedua pula boleh digolongkan kepada golongan fanatik kristian. Golongan ini merupakan golongan-golongan yang sedikit sebanyak telah meninggalkan kepercayaan tradisional. Mereka boleh dikatakan benar-benar mengikuti ajaran kristian kerana mereka lebih kerap bergaul dengan golongan agama. Misalnya dalam upacara-upacara keagamaan dan lain-lain upacara seperti perkahwinan mereka akan menggunakan perantaraan iaitu ahli-ahli gereja untuk melengkapkan upacara tersebut atau dengan perkataan lebih mudah mereka menyedari upacara-upacara yang diadakan memerlukan penglibatan daripada pihak gereja.

Golongan Kristian biasa atau lebih dikenali sebagai Kristian pada nama sahaja lebih liberal dimana kepercayaan tradisional masih tebal diamalkan. Walaupun mereka mengaku sebagai penganut kristian tetapi pada hakikatnya mereka masih dikongkong budaya dan kepercayaan tradisional. Misalnya dalam upacara perkahwinan mereka tidak memerlukan penglibatan daripada pihak gereja iaitu dengan menghalang upacara perkahwinan tersebut mengikut adat tradisional, ini kerana apabila perkahwinan tersebut diadakan di gereja bererti mereka tidak boleh berkahwin untuk kali kedua atau mengamalkan poligami. Dalam adat tradisional seseorang yang berkahwin lebih daripada seorang isteri adalah dibenarkan. Apa yang jelas dalam kehidupan golongan ini ialah kehidupan mereka lebih sekular berbanding dengan penganut kristian yang lebih fanatik. Misalnya dalam upacara-upacara keramaian hidangan seperti tapai⁵⁷ merupakan hidangan yang wajib walaupun penganut kristian tidak digalakan meminum benda tersebut iaitu tidak dilarang dalam agama Kristian tetapi tidak pula digalakkan (bergantung kepada penafsiran individu).

Secara keseluruhannya, hubungan diantara kesemua golongan kristian tersebut adalah baik iaitu tidak berlaku konflik diantara mereka. Perbezaan penafsiran tentang ajaran agama kristian merupakan petunjuk yang jelas dalam mengenali identiti setiap kelompok dalam masyarakat Kristian

⁵⁷ Tapai atau kinomol adalah minuman memabukkan yang menjadi hidangan wajib dalam upacara-upacara agama tradisional. Tapai diperbuat daripada nasi yang dicampur dengan yis kemudian diperam mengikut jangka waktu yang tertentu.

5.6 INTERAKSI ANTARA PENGANUT AGAMA

Dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Sabah khususnya di daerah Ranau terdapat perbezaan dan keunikan tersendiri berbanding dengan masyarakat atau etnik lain, misalnya dalam konteks Malaysia apabila disebut Melayu ia secara langsung menggambarkan sebagai beragama Islam, begitu juga dengan etnik lain di Sabah seperti Bajau, Berunai dan Bisaya yang mempunyai identiti etnik sebagai Islam. Namun begitu bagi kumpulan Kadazan/Dusun identiti melalui agama yang dianuti adalah sukar ditentukan walaupun terdapat ramai yang terkeliru bahawa kumpulan Kadazan/Dusun adalah beragama Kristian. Fenomena tersebut mungkin sesuai untuk daerah lain di Sabah kerana biasanya bilangan penganut Kristian dikalangan kumpulan Kadazan/Dusun lebih ramai daripada penganut agama lain. Keadaan tersebut sangat berbeza di daerah Ranau dimana bilangan penganut Islam dan Kristian adalah seimbang, oleh itu adalah tidak tepat apabila mengidentitikan kumpulan Kadazan/Dusun sebagai Kristian. Berdasarkan kepada kekeliruan tersebut, penulis cuba memeriksa interaksi antara penganut agama di daerah Ranau. Pada umumnya, terdapat berbagai-bagai faktor yang mempengaruhi interaksi diantara penganut agama yang berbeza di daerah Ranau. Interaksi mereka boleh berlaku setiap hari dalam aktiviti harian dan interaksi tersebut boleh berlaku dimana-mana kerana adalah sukar untuk mengelakkan interaksi diantara mereka. Interaksi tersebut boleh terjadi melalui

hubungan darah, perkahwinan, kebudayaan, ekonomi, politik, sosial dan lain-lain lagi.

5.6.1 HUBUNGAN DARAH

Dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun walaupun mempunyai perbezaan kepercayaan diantara satu sama lain tetapi selagi terdapat hubungan darah diantara mereka pemisahan interaksi dan hubungan tidak akan berlaku. Hubungan darah diantara etnik Kadazan/Dusun telah mengeratkan interaksi antara penganut Kristian, Islam dan agama lain-lain. Fenomena ini jelas dilihat dalam masyarakat Kadazan/Dusun Ranau dimana terdapat keluarga yang mempunyai ahli yang beragama Islam atau Kristian. Misalnya dalam satu keluarga asas sama ada ibubapa beragama Kristian manakala anak-anak beragama Islam atau sebaliknya dan begitu juga sama ada adik beragama Islam manakala abang atau kakak beragama Kristian atau sebaliknya. Keadaan tersebut adalah biasa bagi masyarakat Kadazan/Dusun Ranau dimana kes-kes seumpama ini sukar didapati dalam masyarakat lain.

Kes-kes tersebut kadangkala lebih unik di daerah Ranau, misalnya di kampung Lingkudou dan Bundu Tuhan terdapat satu keluarga dimana ibubapa masih mengamalkan kepercayaan tradisional, manakala anak-anak menganut agama yang berbeza. Kes-kes tersebut boleh dilihat dibawah.

Kes_I

	<u>Agama</u>
Ibubapa	Mengamalkan Kepercayaan tradisional
Anak Sulong	Islam
Anak Kedua	Islam
Anak Ketiga	Islam
Anak Keempat	Buddha/Agama Cina
Anak Kelima	Kristian SIB
Anak Keenam	Islam
Anak Ketujuh	Kristian R.C.
Anak Kelapan	Tidak mempunyai agama (atas pagar)
Anak Kesembilan	Tidak mempunyai agama (atas pagar)

Kes_II

	<u>Agama</u>
Ibubapa	Kristian R.C.
Anak Sulong	Kristian R.C.
Anak Kedua	Islam
Anak Ketiga	Kristian R.C.

Kes_III

	<u>Agama</u>
Ibubapa	Kepercayaan Tradisional
Anak Sulong	Kristian R.C.
Anak Kedua	Kristian SIB
Anak Ketiga	Buddha/Agama Cina
Anak Keempat	Kristian SDA

Fenomena ini berlaku kerana seseorang individu dibenarkan memilih agama masing-masing bergantung kepada keyakinan masing-masing. Kes-kes tersebut melibatkan beberapa keluarga yang ramai sama ada seorang bapa mempunyai satu isteri atau lebih. Walaupun terdapat kes-kes dimana seseorang cuba mengasingkan diri daripada saudara yang lain namun pengasingan tersebut tidak akan kekal lama kerana pertalian darah dan saling memerlukan diantara satu sama lain sukar dielakkan. Kes-kes seumpama ini adalah dianggap biasa dan keadaan yang sama juga berlaku apabila melibatkan keluarga nuklear, extended family dan suku, walaupun hubungan darah antara mereka agak jauh namun interaksi dan hubungan antara mereka masih ujud.

Faktor utama yang mempengaruhi keadaan tersebut ialah melalui perkahwinan campur antara penganut yang berbeza kepercayaan. Biasanya seorang perempuan yang tidak beragama atau mengamalkan kepercayaan tradisional, beragama Kristian, Buddha/agama Cina atau lain-lain lagi akan mengikuti agama suaminya dan begitu juga dengan lelaki akan mengikuti agama isterinya. Keadaan tersebut biasanya jarang berlaku dikalangan penganut Islam samada seorang perempuan atau lelaki dan biasa berlaku bagi agama lain selain daripada agama Islam. Ini kerana dalam agama Islam terdapat undang-undang yang tegas untuk melarang penganutnya menukar agama iaitu akan dianggap murtad apabila menukar agama. Namun

begitu terdapat satu kes dimana seorang lelaki Islam telah mengikuti agama isterinya tetapi akhirnya kembali kepada agama Islam setelah beberapa lama. Kes-kes lain dimana terdapat seorang lelaki Islam dan seorang perempuan Kristian perkahwin tetapi tetap dengan kepercayaan masing-masing manakala anak-anak bebas untuk memilih agama masing-masing. Kes-kes ini terdapat dikampung Lingkudou dan Bundu Tuhan. Walaupun kes-kes seumpama ini berlaku tetapi hubungan dan interaksi antara mereka tidak menghadapi masalah dan konflik yang terjadi biasanya disebabkan oleh faktor lain. Ini terbukti dimana satu keluarga seumpama tersebut masih kekal walaupun pada masa sekarang telah beranak cucu.

Faktor lain selain daripada faktor perkahwinan ialah menukar agama kerana keyakinan terhadap sesuatu agama. Misalnya banyak keluarga yang terdapat di daerah Ranau daripada asalnya mengamalkan kepercayaan tradisional kemudian menganut agama Kristian dan seterusnya menganut agama Islam atau daripada agama Kristian kepada agama Islam. Faktor lain-lain seperti faktor politik, paksaan ekonomi dan sebagainya tidak begitu jelas berlaku.

Interaksi antara mereka adalah seperti biasa dimana biasanya pada hari-hari kebesaran umpamanya Hari Raya, Krismas, Tahun Baru Cina dan lain-lain perayaan, mereka akan berkumpul dirumah orangtua mereka atau anak sulung. Manakala setiap ahli keluarga akan kunjung-mengunjungi antara satu sama lain untuk mengeratkan persaudaraan mereka. Konflik-konflik yang terjadi diantara mereka akan selesai melalui

hubungan-hubungan seumpama ini.

5.6.2 PERTALIAN KEBUDAYAAN

Terdapat beberapa institusi tradisional yang dimiliki bersama oleh penganut antara agama di daerah Ranau seperti **Minsambai**, **mitatabang**, **tamu**, **pesta-menuai**, **mansalud**⁵⁸, pesta-pesta keramaian dan lain-lain upacara selain daripada upacara keramaian. Institusi-institusi tersebut merupakan institusi yang menjadi pusat pertemuan diantara penduduk kampung samada dalam kampung tersebut atau kampung lain dan sehingga sekarang institusi tersebut telah diadakan dalam peringkat daerah Ranau. Institusi-institusi tersebut telah berjalan sejak daripada dahulu lagi serta diwarisi sehingga sekarang dan dimiliki oleh setiap penduduk kumpulan Kadazan/Dusun Ranau tanpa mengira agama anutan mereka. Melalui institusi tersebut, interaksi antara penganut yang berbeza agama tidak dapat dielakkan malahan menjadi institusi kepunyaan bersama dan menjadi pusat interaksi yang terpenting dalam masyarakat ini.

Minsambai

Minsambai merupakan institusi tradisional yang masih diamalkan sehingga sekarang. **Minsambai** bermaksud ziarah menziarahi antara satu sama lain dalam sebuah kampung. Pada masa dahulu **minsambai** diadakan pada hari-hari keramaian

⁵⁸ ----- **Mansalud** ialah upacara merasmikan taliair yang akan dialirkkan kedalam sawah. Pada masa dahulu, upacara ini dikendalikan oleh **bobolian** dengan mengadakan korban ayam. Sekarang ia boleh dilakukan oleh bukan **bobolian** tetapi mempunyai kemahiran sepertinya.

seperti maginakan dan mansalud selepas selesai menuai padi atau sebelum menanam padi yang pada hari ini telah dikenali sebagai pesta menuai diantara penduduk dalam satu kampung. Dalam institusi tersebut setiap ahli dalam sebuah kampung akan menziarahi jiran-jirannya semasa pesta keramaian dijalankan. Sehingga sekarang, institusi minsambai masih kuat diamalkan di kampung Bundu Tuhan dan lain-lain kampung yang didiami oleh suku Bundu di daerah Ranau. Pada masa tersebut iaitu selepas selesai menuai padi, setiap ahli dalam kampung tersebut akan mengadakan pesta keramaian dirumah masing-masing dengan mempersembahkan hidangan parai wagu⁵⁹ kepada tetamunya dalam bentuk nasi dan minuman seperti tapai. Pada masa tersebut rumah terbuka akan diadakan sehingga beberapa hari bergantung kepada tuan rumah yang mengadakan pesta keramaian tersebut. Namun pada hari ini institusi minsambai tidak terhad kepada upacara-upacara tradisional sahaja tetapi diperluaskan dalam upacara-upacara keramaian seperti hari Krismas, Hari Raya dan lain-lain hari kebesaran. Misalnya penduduk Kg. Bundu Tuhan yang menganut agama Kristian akan minsambai kerumah penganut Islam yang terdapat di Kg. Himbaan dan kampung yang berdekatan dan begitu juga penganut agama Islam akan minsambai ke rumah penganut Kristian semasa hari Krismas di Bundu Tuhan. Setiap individu tidak dapat melarikan diri daripada fenomena tersebut kerana apabila seseorang dijemput kerumah orang

⁵⁹ Parai_wagu bermaksud padi baru atau beras baru iaitu merujuk kepada padi yang baru dituai manakala baki padi lama yang tidak habis pada musim menuai yang lepas dipanggil loun.

lain, individu tersebut tidak berupaya menolak jemputan tersebut kecuali terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan. Apabila seseorang menolak jemputan tersebut, ini bererti individu tersebut adalah seorang yang sombong dan mementingkan diri sendiri yang menjadi salah satu sikap yang sangat dielakkan oleh setiap individu dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau. Masalah perbezaan kepercayaan atau agama tidak menjadi penghalang dalam interaksi tersebut misalnya apabila seseorang dijemput ke rumah orang lain yang mempunyai kepercayaan yang berbeza, individu tersebut tidak perlu bimbang tentang soal makanan dan perkara-perkara lain yang ditegah oleh agama kerana orang yang menjemputnya memahami keadaan tersebut. Keadaan ini dapat dilihat semasa Hari Raya atau hari Krismas dimana individu yang menganut agama Kristian bebas menziarahi kaum keluarga, jiran, kawan-kawan semasa Hari Raya. Bagi penganut agama Islam mereka bebas untuk menziarahi kaum keluarga, jiran, kawan-kawan semasa hari Krismas kerana apabila seseorang mengadakan rumah terbuka, individu tersebut terpaksa menyediakan makanan yang halal bagi penganut Islam tersebut. Masalah yang dihadapi oleh penganut agama Islam dalam soal makanan apabila menziarahi rumah orang Kristian dapat diatasi dengan menjemput tukang sembelih, tukang masak dan lain-lain lagi taripada kalangan orang Islam kerana penganut agama Kristian tidak mempunyai halangan dalam soal makanan manakala makanan yang tidak halal boleh dihidangkan berasingan. Saling memahami antara satu sama lain menjadi faktor yang

menghasilkan interaksi erat dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau. Melalui interaksi tersebut perpaduan dalam sesebuah masyarakat dapat dieratkan lagi tanpa menyisihkan orang lain semata-mata kerana perbezaan kepercayaan.

Moginakan

Melalui institusi seperti moginakan dan mansalud yang biasanya terhad kepada ahli dalam sesebuah kampung sahaja, interaksi antara penganut agama yang berbeza dapat dieratkan. Mansalud diadakan semasa mengairi kawasan padi sawah yang bererti musim menanam akan bermula dan dihadiri oleh jiran-jiran yang sama-sama bergantung kepada sumber air tersebut. Walaupun ahli yang mengikuti upacara tersebut mungkin terhad kepada beberapa orang sahaja yang bergantung kepada sumber air tersebut namun interaksi yang wujud menggambarkan perpaduan diantara mereka. Apabila selesai mansalud, upacara makan beramai-ramai diadakan diantara ahli tersebut. Moginakan pula diadakan selepas menuai padi yang selalu diadakan oleh satu keluarga yang mendapat hasil yang baik dalam tuaian mereka. Moginakan bermaksud memberi makan beramai-ramai samada tertutup kepada sanak-saudara terdekat atau seluruh kampung. Melalui institusi tradisional tersebut interaksi tanpa menghadkan kepada penganut agama sahain dapat mengeratkan perpaduan walaupun pada hakikatnya adangkala melalui keramaian tersebut pergaduhan sering wujud ikalangan penduduk kampung semata-mata disebabkan oleh

perkata kecil sabaja, apabila mengikuti nisan terlalu banyak dan dia yang memabukkan seperti datuk. Datuk selalu menjadi maklumat utama semasa perbaikan keranjang dilakukan dan dia boleh membuat sesorang kira-kira bertambah, manakala nasibah dia tidak berkaitan dengan apa pun yang berbeza dilakukan oleh Kadazan/Dusun Sabah.

KILAKHANG

KILAKHANG adalah salah satu institusi yang mengaturkan hubungan antara penduduk kampung dan kampung yang berjiran. **KILAKHANG** bermakna secara literal-ranal mengurangkan sebarang pekerjaan yang hampir sama mahuannya dengan gotong-royong. **KILAKHANG** melibatkan semua ahli kampung atau sebuah berjiran mengurangkan sauh sawah yang dimiliki oleh seorang individu dan seterusnya kepada ahli kampung lain secara bergilir-gilir, misalnya pada hari pertama kumpulan A dan **KILAKHANG** tersebut akan mengurangkan sawah yang dimiliki oleh individu A dan seterusnya pada hari yang laik kepada individu B dan seterusnya sehingga semua berjiran yang dilibatkan sawah pada yang diponyai oleh setiap ahli dalam **KILAKHANG** tersebut selepas mengurangkan sawah mereka. **KILAKHANG** agak berbeza dengan gotong-royong iaitu gotong-royong mewajibkan semua penduduk kampung mengikut gotong-royong tersebut dan sesiapa yang tidak mengikut gotong-royong tersebut akan diberi sanksi. Kitabelang cela tidak mewajibkan semua penduduk kampung terlibat dalam institusi tersebut, contohnya tahuna bermakrud sesorang akan bekerja

disawah orang lain samada dalam kampung tersebut atau kampung berjiran dan orang yang didatangi tersebut akan supuli atau membala~~s~~ kunjungan tersebut pada hari yang lain sejitu saling balas-membalas antara satu sama lain dalam mengerjakan sawah. Melalui perbincangan dan persetujuan ramai kumpulan mitatabang akan berkumpul dalam satu sawah yang telah dipilih dan ditetapkan, seterusnya kepada sawah yang lain. Tabang tidak semestinya melibatkan ramai orang sejitu mungkin hanya melibatkan dua buah keluarga sahaja atau lebih. Mitatabang diperlukan apabila sesebuah keluarga tidak mempunyai tenaga kerja yang ramai untuk mengerjakan sawah mereka, oleh itu mereka terpaksa menolong jiran mereka dan jiran pula menolong mereka dan ini bererti tenaga kerja semakin ramai dan lebih meriah, oleh itu kerja dapat diselesaikan secara beramai-ramai dengan lebih cepat. Melalui institusi tersebut masalah kekurangan tenaga kerja dapat diatasi tetapi bagi keluarga yang mempunyai ahli yang ramai institusi mitatabang tidak diperlukan namun keadaan ni jarang berlaku.

Secara keseluruhannya, institusi mitatabang mengujudkan hubungan dan interaksi antara penduduk kampung dan kampung berjiran, seseorang tidak dapat mengelakkan diri daripada merinteraksi dengan orang lain kerana ia memerlukan orang lain untuk memudahkan kerja-kerja kerja-kerja disawah, oleh itu masalah perbezaan kepercayaan tidak menghadkan hubungan dan interaksi dengan orang lain. Misalnya dikampung tingkudou penganut Islam dan Kristian sama-sama menjalankan

mitabang semasa musim menanam antara satu sama lain tanpa menghiraukan perbezaan kepercayaan mereka. Keadaan ini agak berbeza di kampung Tegudon Lama dimana kesemua penduduknya beragama Islam, oleh itu pada musim menanam padi bukit interaksi mereka dengan penganut agama lain agak terhad tetapi mereka mempunyai jiran yang beragama Kristian di kampung Himbaan yang berdekatan. Oleh itu pada keseluruhannya seseorang tidak dapat mengasingkan diri daripada orang lain semata-mata kerana agama. Namun sejak kemasukan teknologi moden pada awal 1970an dan 1980an dalam bengerjakan padi sawah seperti jentera pembajakan jentera penanaman dan lain-lain alat untuk memudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja disawah telah mengurangkan sepentingan **mitabang** tersebut, tetapi masih amat diperlukan dalam penanaman padi bukit sehingga sekarang. Walaubagaimanapun hubungan atau interaksi antara penganut agama yang berbeza antara ketiga-tiga kampung tersebut masih wujud.

Tamu dan Pesta Menuai.

Selain daripada institusi-institusi yang terhad pada peringkat kampung, terdapat institusi yang lebih luas iaitu melibatkan penduduk Ranau secara keseluruhannya. Seperti Institusi **tamu** dan **pesta menuai** peringkat Daerah atau negeri. **Tamu** merupakan pertemuan antara penduduk daerah Ranau dan juga dengan daerah yang berdekatan seperti Telupid, Tuaran, Tamparuli dan lain-lain lagi khasnya.

dikalangan penduduk kumpulan Kadazan/Dusun. Tamu adalah satu bentuk pasaran yang diamalkan sejak daripada dahulu lagi dan diwarisi hingga sekarang. Dalam tamu tersebut jual beli berlaku antara penjual dan pembeli dan kadangkala jualbeli secara barter masih berlaku. Pada masa dahulu jual beli secara barter adalah cara utama semasa urusan pertukaran barang, sisa-sisa sistem barter masih terdapat hingga sekarang misalnya seseorang tukang mensupu⁶⁰ seperti membuat parang akan menerima bahan mentah besi daripada orang lain dan membentuk besi tersebut menjadi parang dan menyerahkan parang yang telah siap kepada orang yang membekalkan bahan mentah besi tersebut semasa tamu diadakan dan baki bahan mentah besi tersebut menjadi milik tukang mensupu dan begitu juga dengan barang-barang lain. Barang-barang tersebut kadangkala hanya boleh didapati semasa tamu sahaja, oleh itu setiap penduduk Ranau akan tertumpu di kawasan tamu yang diadakan pada hari-hari tertentu iaitu di daerah Ranau tamu besar diadakan 12 kali dalam setahun iaitu pada awal bulan atau akhir bulan iaitu pada 31 atau 1 haribulan manakala tamu biasa diadakan pada setiap hari Rabu dan Ahad setiap minggu.

Sebagai institusi pasaran, tamu telah mengeratkan perhubungan dan interaksi antara penduduk kumpulan Kadazan/Dusun, misalnya pada masa tamu diadakan, terdapat arangan yang hanya boleh didapati pada masa tamu sahaja

Tukang mensupu bermaksud tukang besi yang membuat peralatan daripada besi seperti parang, pisau dan lain-lain lagi.

seperti jualan murah berbanding dengan harga dikedai biasa, oleh itu interaksi antara penganut-penganut agama yang berbeza tidak dapat dielakkan. Namun begitu pada hari ini semakin ramai penduduk luar iaitu bukan Kadazan/Dusun mengambil alih perniagaan Kadazan/Dusun akibat daripada persaingan antara mereka. Oleh itu pada masa kini kumpulan Kadazan/Dusun lebih tertumpu dalam pasaran keluaran barang pertanian. Oleh itu hubungan dan interaksi antara kumpulan Kadazan/Dusun melalui institusi **tamu** semakin kurang berbanding pada masa dahulu kerana etnik Kadazan/Dusun boleh memperolehi keperluan mereka daripada etnik lain.

Pada masa dahulu institusi **tamu** menjadi pusat pertemuan yang bukan hanya melibatkan faktor ekonomi sahaja tetapi meliputi hal-hal lain dan akibat daripada kemajuan sistem pengangkutan peranan institusi **tamu** dalam interaksi antara penduduk Ranau semakin tersebar dan singkat keseluruh kampung didaerah Ranau. Ini kerana pada masa dahulu penduduk yang tinggal jauh daripada kawasan pekan Ranau atau **tamu** terpaksa bermalam beberapa hari dikawasan **tamu** tersebut sebelum hari **tamu** bermula kerana sistem pengangkutan agak sukar diperolehi. Oleh itu interaksi antara mereka agak lama tan pada hari ini sistem pengangkutan hampir meliputi kawasan Daerah Ranau maka interaksi hanya berlaku pada masa **tamu** sahaja.

Semasa pesta menuai, samada pada peringkat kampung atau terutamanya pada peringkat daerah kesemua penduduk kampung diseluruh Ranau akan berkumpul disatu kawasan yang sama

misalnya Dewan Masyarakat atau tempat khas yang dibuat untuk upacara Pesta menuai atau Tadau-Kaumatan atau Tadau-Sakitan. Pesta menuai tersebut akan dihadiri oleh berbilang penganut agama dan selalu disertai dengan acara-acara lain seperti pertandingan Ngunduk-Ngadau⁶¹ dan lain-lain pertandingan rakyat yang diwarisi daripada nenek moyang secara turun temurun. Pesta ini kadangkala akan mewajibkan setiap kampung menghantar wakil mereka untuk sekurang-kurangnya menghadiri pesta keramaian ini. Oleh itu interaksi akan berlaku dikalangan penduduk Ranau walaupun terdapat perbezaan agama, selagi seseorang individu masih mengakui sebagai seorang etnik Kadazan/Dusun individu tersebut tidak dapat lari daripada memperakui pesta tersebut kerana pesta ni adalah kepunyaan setiap penduduk kumpulan Kadazan/Dusun misbahah khususnya di Daerah Ranau.

Pada masa kini sambutan Pesta menuai disadakan mengikut kepercayaan masing-masing iaitu bagi penganut Islam semasa Pesta menuai mereka mengadakan doa selamat dan mengadakan pertandingan-pertandingan seperti sukan rakyat. Manakala penduduk yang beragama Kristian boleh mengadakan Tadau-Kaumatan dengan cara tradisional atau dengan mencampuradukkan cara tradisional dengan cara Kristian kerana dalam agama Kristian tidak terdapat larangan-larangan yang ketara kepada penganutnya untuk mengembalikan adat-adat tradisional yang selalu diamalkan oleh masyarakat.

⁶¹ Ngunduk-Ngadau ialah pertandingan untuk memilih sumandak lalu gadis yang paling cantik dan pada masa kini ia mirip dengan pertandingan ratu cantik.

tradisional semasa menyambut Pesta menuai. Namun begitu bagi masyarakat daerah Ranau pemisahan agama tersebut tidak mengganggu atau mengancam hubungan dan interaksi antara mereka.

Semasa Pesta menuai, diadakan juga pertandingan seperti bermain alat-alat ,muzik tradisional umpamanya sompoton, bungkau⁶² dan lain-lain lagi. Selain daripada itu terdapat sukan rakyat yang lain seperti melastik, menyumpit dan lain-lain lagi diadakan pada pesta tersebut. Pada masa tersebut interaksi antara penduduk yang menghadiri pesta tersebut boleh berlaku. Oleh itu interaksi hanya dapat dilakukan jika terdapat segelintir yang tidak menghadiri pesta tersebut, oleh itu selagi pesta ini dijalankan selagi tetulah interaksi antara penduduk kumpulan Kadazan/Dusun Ranau dapat dilakukan. Bagi penduduk yang beragama Islam mereka hanya perlu meninggalkan adat-adat tradisional dalam Pesta menuai jika bertentangan dengan agama mereka. Misalnya mereka tidak akan menyertai minum tapai dan ngunduk_ngadan atau tidak mengadakan pertandingan tersebut kerana masih banyak upacara alternatif yang boleh disertai tanpa melibatkan halangan agama.

Mangkerumoh

Selain daripada itu pada hari-hari biasa iaitu dalam sehidupan sehari-hari terdapat interaksi diantara penganut

⁶² Sompoton dan bungkau ialah alat muzik tradisional yang menggunakan mulut untuk membunyikan alat tersebut.

agama. Misalnya intitusi mengkerumoh atau kumumoh atau moi rumoh menjadi alat untuk mengujudkan interaksi. Rumumoh mempunyai maksud yang sama dengan menziarahi tetapi rumumoh boleh berlaku secara dirancang atau tidak dirancang. Seseorang boleh moi_rumoh di rumah orang lain secara dirancang misalnya seseorang boleh menziarahi jiran-jiran atau rakan-rakan dengan cara memberitahu dahulu orang yang tidak datangi atau merancang sendiri untuk menziarahi rumah orang lain. Ziarah ini dilakukan untuk urusan-urusan sehari-hari atau semata-mata untuk bertanyakan khabar atau semata-mata untuk berborak. Tujuan ziarah tersebut adalah untuk mengeratkan perhubungan antara individu dengan individu lain. Manakala Rumumoh pula melibatkan ziarah secara tidak dirancang misalnya apabila seseorang melalui rumah orang lain atau sekumpulan orang, individu tersebut terpaksa menyertai kumpulan tersebut atau menaiki rumah orang lain apabila dijemput. Misalnya kumumoh_poh dan "inggal_poh" yang bermaksud singgah dulu dan kita makan dirih dulu. Individu tersebut tidak dapat menolak pelawaan tersebut sekiranya tidak terdapat hal-hal yang tergesa-gesa untuk diselesaikan. Rumumoh adalah satu budaya yang diamalkan oleh kumpulan Kadazan/Dusun Ranau sejak dahulu sehingga sekarang dan menjadi faktor perpaduan kepada masyarakat ini. Individu terpaksa mengemukakan berbagai alasan untuk menolak pelawaan tersebut atau terpaksa melarikan diri daripada melalui rumah orang lain atau sekumpulan orang untuk mengelakkannya daripada dipelawa

untuk menyertai orang tersebut.

Fenomena tersebut berlaku setiap masa tanpa mengira samada seseorang itu bergama Islam atau Kristian atau lain-lain agama asalkan seseorang itu dikenali oleh orang yang mempelawanya dan lebih-lebih lagi apabila mereka berjiran, berkawan dan mempunyai pertalian. Oleh itu sehingga sekarang masih terdapat gelaran-gelaran seperti miangkalado, miangkasigup dan lain-lain lagi gelaran bagi dua sekawan atau lebih yang mempunyai kegemaran yang sama. Interaksi seumpama ini merupakan ciri-ciri cara hidup kampung yang mementingkan perpaduan antara ahli masyarakat. Namun begitu kadangkala institusi tersebut digunakan untuk memulaukan orang lain jika sekiranya seseorang itu melakukan perbuatan yang melanggar norma-norma dan nilai-nilai dalam masyarakat iaitu orang yang melakukan perbuatan yang buruk tidak akan dilayan atau dipelawa oleh masyarakat kampung. Fenomena ini dapat dilihat dengan lebih jelas dimana jika sekiranya orang yang melalui rumahnya adalah orang luar, orang luar tersebut dibiarkan sahaja tanpa dipelawa atau ditegur.

Pada keseluruhannya penduduk etnik Kadazan/Dusun Ranau tidak memandang pada agama seseorang dalam berbagai-bagai keadaan semasa interaksi diantara mereka. Bagi mereka agama tidak menjadi perkara yang utama dalam menghadkan interaksi antara mereka. Misalnya dalam pemilihan Ketua kampung Lingkudou, mereka tidak memandang pada agama yang dianut oleh seseorang individu tetapi kemampuan dan kebolehan menjadi kriteria utama untuk menjadi Ketua Kampung. Fenomena

tersebut dapat dilihat selagi seseorang itu mempunyai hubungan yang baik dan saling memahami dengan orang lain kerana konflik-konflik yang wujud dalam masyarakat tidak melibatkan pertentangan agama.

Dalam masyarakat Kadazan/Dusun Ranau hubungan antara agama adalah sangat erat dan konflik tentang perbezaan agama adalah sangat kurang. Fenomena ini dapat dilihat dimana semasa dalam perjalanan daripada Kampung Tegudon Lama yang kesemua penduduknya beragama Islam ke pekan Ranau, mereka terpaksa melalui Kampung Gondohon dan Bundu Tuhan yang membiarkan binatang ternakan mereka seperti babi berkeliaran dikawasan kampung. Di Kampung Gondohon sendiri binatang seperti babi bebas berkeliaran walaupun terdapat penduduk yang beragama Islam dikawasan tersebut. Fenomena tersebut telah menjadi perkara biasa kerana mereka tidak boleh menyekat kebebasan orang lain selagi ia tidak mengganggu atau menghina penganut agama lain. Tambahan pula kejadian-kejadian yang tidak disengajakan boleh dimaafkan dan boleh dibincangkan. Misalnya jika terdapat masalah binatang ternakan seperti babi mengganggu atau berkeliaran di rumah orang Islam mereka boleh membina pagar atau pemilik mengurung binatang tersebut kerana binatang tersebut tidak mengira agama seseorang dan juga merosakkan tanaman dikalangan penduduk kampung yang berbilang agama. Selain daripada itu, surau dan gereja yang berdekatan tidak menjadi soal selagi terdapat rasa hormat-menghormati diantara satu sama lain. Fenomena ini dapat dilihat didaerah Ranau dimana

terdapat surau dan gereja yang hanya dipisahkan sejauh 10 kaki antara satu sama lain⁶³. Namun sehingga sekarang tidak terdapat rungutan-rungutan atau bantahan diantara kedua-dua penganut tersebut⁶⁴. Dalam keadaan tersebut terdapat andaian tentang hubungan antara penganut agama yang berbeza iaitu samada kerana persefahaman yang wujud antara mereka ataupun terdedah kepada budaya luar yang lebih individualistik (tidak menghiraukan antara satu sama lain).

5.7 FAKTOR-FAKTOR YANG MENGURANGKAN INTERAKSI ANTARA PENGANUT AGAMA DI RANAU

Sehingga masa kini konflik yang berlaku antara penduduk agama yang berbeza masih dalam peringkat minima. Konflik-konflik yang berlaku kebanyakannya secara latent atau tidak ketara. Namun sejak akhir-akhir ini akibat daripada penglibatan politik dan budaya luar dalam masyarakat Ranau, kesedaran kumpulan masing-masing semakin ketara. Rungutan-rungutan tentang keburukan penganut agama yang berbeza semakin ketara tetapi tidak dilakukan secara langsung diantara penganut agama yang berbeza walaupun terdapat rungutan-rungutan secara langsung ditujukan kepada penganut agama lain tetapi dalam jumlah yang sedikit. Rungutan-rungutan tersebut kebanyakannya melibatkan pergolakan yang

⁶³----- Kedaan ini dapat dilihat di Kampung Tontolob dan Kg. Segindai

⁶⁴ Menurut pegawai MUIS daerah Ranau iaitu En. Lassim Tukang.

berlaku diluar daerah Ranau.

Penglibatan parti politik dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama dan perkauman menimbulkan keadaan yang tidak selesa diantara penganut agama. Misalnya terdapat rungutan yang diluahkan sesama penganut agama Kristian yang berbunyi '~~au_noh_miloh_soruton_tulun do silam~~' yang bermaksud adalah sukar untuk bergaul dengan orang-orang Islam yang ditujukan kepada penganut-penganut Islam yang terdapat di Semenanjung Malaysia yang terlalu sukar bergaul dengan penganut agama lain. Fenomena tersebut telah menimbulkan sempadan antara penganut Islam dan penganut Kristian bagi segelintir penduduk di Daerah Ranau. Pergolakan yang berlaku diluar daerah Ranau telah meresap dalam kehidupan masyarakat berbeza agama dimana sikap menonjolkan keburukan agama lain agak ketara dan disertai pula dengan emosi tanpa pertimbangan yang sewajarnya.

Bagi segelintir penganut Islam mereka memandang serong penganut Kristian kerana didorong oleh pergolakan politik yang tuduh-menuduh antara satu sama lain dimana penganut Kristian dikatakan semakin bersikap meninggi diri dengan menindas orang-orang Islam. Namun begitu setiap tuduhan-tuduhan tersebut dipengaruhi emosi yang didorong oleh perselisihan antara parti politik yang bertentangan. Pada peringkat daerah Ranau tuduhan-tuduhan tersebut tidak dapat dibuktikan atau diperhatikan dalam masyarakat Ranau, oleh itu tuduhan-tuduhan tersebut hanya melibatkan masyarakat diluar daerah Ranau sahaja iaitu masyarakat Ranau terkecuali

daripada tuduhan-tuduhan tersebut tetapi telah meresap dalam segelintir masyarakat.

5.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat perbezaan dari segi anutan agama dan pembentukan kelompok dalam masyarakat akibat daripada kedatangan agama itu sendiri dan pengaruh-pengaruh luar tetapi masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau dapat menseimbangkan perbezaan diantara mereka. Diantara mereka masih terdapat ikatan emosi dan psikologi yang melewati agama walaupun dipisahkan oleh agama. Namun begitu fenomena tersebut bergantung kepada darjah fanatiknya terhadap agama dan kelompok dalam agama masing-masing. Ini kerana jika darjah kefanatikan seseorang terhadap agama dan kelompoknya terlalu tinggi sehingga tidak bergaul dengan orang lain dan hanya mementingkan dirinya atau kelompoknya akan menimbulkan kesan-kesan yang boleh meretakkan hubungan antara mereka.

Ikatan-ikatan diantara mereka melalui fakta-fakta sosial yang telah wujud sejak daripada nenek-moyang lagi telah membentuk ikatan sebagai milik bersama walaupun terdapat perbezaan anutan agama. Namun perasaan kekitaan melalui fakta sosial yang telah lama menjadi adat dalam masyarakat akan menjadi longgar jika fakta-fakta sosial tersebut hilang atau terkikis dalam masyarakat ini. Institusi seperti Tamu, mitatabang, minsambai dan lain-lain lagi adalah fakta sosial yang wujud sebagai budaya dan adat

dalam masyarakat ini akan hilang jika tidak terdapat usaha-usaha untuk memelihara budaya dan adat tersebut. Nampaknya sehingga kini budaya dan adat tersebut mula diancam oleh kemajuan dari segi pembangunan teknologi dan lain-lain lagi akan membentuk sikap individualistik dalam individu seterusnya melahirkan masyarakat yang kucar-kacir.